

12 OCT 1996

Umno-Mahathir (Intipati)

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Intipati ucapan penggulungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno hari ini.

+ Orang Melayu tidak harus berbangga dengan tanah Rizab Melayu kerana ia sebenarnya lambang kelemahan ekonomi mereka.

Mereka seharusnya berbangga dapat membeli tanah luar Rizab Melayu apabila taraf ekonomi mereka meningkat.

+ meminta pemilik tanah (Rizab Melayu) di Kampung Baru, Kuala Lumpur agar bersedia menjual tanah mereka kepada pengusaha Bumiputera pada harga yang berpatutan untuk dimajukan.

+ menggesa pelajar Melayu mengambil jurusan sains dan teknologi walaupun dianggap sukar untuk lulus dan tidak mengambil jalan mudah bagi mendapat ijazah.

Walaupun kerajaan menyediakan kemudahan bagi mereka menceburi bidang itu, masalahnya ialah pelajar Melayu tetap memilih jurusan yang dianggap senang.

+ kekurangan tenaga pakar seperti doktor, jurutera, arkitek dan peguam daripada kalangan anak Melayu kerana kebanyakan ibu bapa lebih cenderung menghantar anak mereka ke sekolah agama termasuk sekolah pondok tanpa memberikan perhatian yang sama kepada bidang lain.

Jangan salahkan Akta Pendidikan, yang salah ialah pilihan orang Melayu sendiri.

+ orang Islam terpaksa bergantung kepada orang lain untuk memenuhi keperluan mereka termasuk kelengkapan moden bagi mempertahankan diri kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk membuatnya.

Ini akibat daripada kelemahan mereka yang terlalu memberi perhatian kepada soal-soal keagamaan hingga menyetepikan keperluan lain sedangkan Islam mahu umatnya maju dalam semua bidang.

+ politik wang dalam apa bentuk sekali pun, sedikit atau banyak, mesti ditolak kerana ia akan melemahkan parti. Anggota Umno jangan menganggap pemberian untuk membeli undi sebagai rezeki kerana ada rezeki yang halal dan ada yang haram.

Rezeki yang sebenar ialah pembangunan dan peningkatan ekonomi yang dibawa oleh Umno yang kuat, bersih daripada amalan rasuah dan memenangi setiap kali pilihan raya kerana faktor itu.

+ reformasi -- mahu Umno menjadi agen reformasi Melayu dan bumiputera kerana peluang keemasan wujud sekarang untuk mencapai pembaharuan dan kemajuan setanding dengan bangsa lain tanpa mengorbankan nilai-nilai baik sedia ada.

+ menyambut baik saranan penubuhan institut Umno untuk antara lain mengkaji nilai-nilai yang terdapat dalam semua budaya rakyat yang boleh dijadikan sebahagian daripada budaya baru orang Melayu.

+ bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dilantik sebagai wakil khas Malaysia mengenai hal ehwal Eropah Timur.

+ perancangan untuk letak Tan Sri Razali Ismail sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB dibuat selama lapan tahun, membuktikan bahawa kalau kita bertekad mencapai sesuatu, ia pasti berjaya.

+ mahu mereka yang tewas dalam pemilihan supaya mengkaji sebab-sebabnya agar doleh diperbetulkan.

+ Koperasi Usaha Bersatu (KUB) akan disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSK) dengan 137,000 anggota mendapat saham bernilai RM1.3 bilion.

+ nasihatkan anggota Umno bersabar dalam mendapatkan tempat atau jawatan dalam parti. Beliau sendiri mengambil masa 18 tahun untuk menjadi wakil rakyat setelah menceburi politik menerusi Umno, 10 tahun kemudian baru dapat menjadi menteri.

-- BERNAMA
ZKS JM NMO